



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
ISNIN 11 FEBUARI 2019**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2.	DASAR BARU BANTU PETANI, NELAYAN B40 BAKAL DIPERKENAL, MALAYSIA KINI -ONLINE NEW POLICIES TO LIFT FARMERS, FISHERMEN OUT OF B40 – MINISTER, NEWS, MALAYSIAN NANBAN -4	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI (MOA)
3. 4.	PERBANDARAN PERTAMA TAMPIL KONSEP KEBUN, BISNES SINAR, SH -4 BAJA CILI GUNA FERTIGASI PINTAR, BISNES SINAR, SH -6	JABATAN PERTANIAN MALAYSIA (DOA)
5.	BUDAK LELAKI DIGIT ANJING DI TAIPING STABIL, NEGARA, KOSMO -15	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (JPV)
6. 7.	BERKUBANG TANGKAP IKAN, SETEMPAT, HM -24 PESTA MENGEMPING MASUK KALENDAR MAKAN ANGIN, SETEMPAT, HM -25	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
8. 9.	DURIAN SIRI MDUR DIKOMERSIALKAN SEMULA, MEGA AGRO, UM -28 PROMOSI TIGA HIBRID, MEGA AGRO, UM -29	INSTITUT PENYELIDIKAN DAN KEMAJUAN PERTANIAN MALAYSIA (MARDI)
10.	BERSARA DARI DUNIA KEWARTAWANAN, WAWANCARA, SH -20	LAIN - LAIN

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
11/2/2019	MALAYSIA KINI	ONLINE	

Dasar baru bantu petani, nelayan B40 bakal diperkenal



Dasar baru bagi meningkatkan kebajikan petani, nelayan dan pekebun kecil akan diperkenalkan bulan depan, kata Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani Salahuddin Ayub.

Dalam wawancara *Malay Mail*, Salahuddin berkata dasar berkenaan akan menggantikan dasar sedia ada yang telah menyebabkan golongan petani, nelayan dan pekebun kecil terus berada dalam golongan B40.

"Kita gagal mencapai sasaran kerana nelayan, petani, peladang dan pekebun kecil masih jatuh dalam golongan B40.

"Jadi apa yang silap? Selepas tujuh bulan menjaga kementerian, saya cuba memikirkan perkara ini," katanya seperti dipetik.

Justeru, kata Salahuddin, dasar baru yang akan diperkenalkan bertujuan meningkatkan masa depan golongan berkenaan.

Tambah Salahuddin, bagi memastikan bekalan makanan negara mencukupi dan pada masa yang sama harga berpatutan, mudah didapati serta selamat, ia melibatkan proses yang rumit.

"Jika tidak, kita perlu import makanan," kata timbalan presiden Amanah itu.

Beliau turut menyorot keperluan pelan jangka masa panjang bagi empat faktor meningkatkan penghasilan produk makanan tempatan.

Faktor itu, katanya, melibatkan semua pihak berkepentingan, dari wakil rakyat sehingga golongan yang menghasilkan produk.


Bulan lalu, Perdana Menteri Dr Mahathir Mohamad berkata, bantuan saja tidak akan menangani kemiskinan dalam kalangan nelayan dan petani.

Mahathir mencadangkan agar golongan berkenaan mempertimbangkan alternatif lain bagi memaksimumkan penghasilan dan seterusnya meningkatkan pendapatan mereka.

Headline	New policies to lift farmers, fishermen out of B40 - minister		
MediaTitle	Malaysian Nanban		
Date	11 Feb 2019	Color	Black/white
Section	News	Circulation	65,000
Page No	4	Readership	415,000
Language	Tamil	ArticleSize	246 cm ²
Journalist	NULL	AdValue	RM 716
Frequency	Daily	PR Value	RM 2,147



வறுமைக்கோட்டிலிருந்து மீனவர்களை மீட்டெடுக்க புதிய கொள்கைகள்



கூடிய விலையில் இருக்க வேண்டும். பாதுகாப்பான முறையில் தாராளமாக கிடைக்கக்கூடிய வண்ணம் இருக்க வேண்டும். நம்மிடம் போதிய உணவு கைவசம் உள்ளது என்பதனை நாம் உறுதிப்படுத்த வேண்டும். போதிய உணவு இல்லையேல் நாம் இறக்குமதி செய்ய வேண்டிய நிலை ஏற்படும். உள்நாட்டு உணவு உற்பத்தி அளவினை மேம்படுத்துவதற்கு தொலைநோக்கு பிரதானத் திட்டம் தேவைப்படுவதாக அமானா கட்சியின் துணைத் தலைவருமான அமைச்சர் சலாவுடி அயூப் தெரிவித்தார்.

கோலாலம்பூர், பிப்.11- வறுமைக்கோட்டிலிருந்து மீனவர்கள், விவசாயிகள், சிறுதோட்டக்காரர்கள் ஆகியோரை மீட்டெடுக்க புதிய கொள்கை திட்டங்கள் அறிமுகப்படுத்தப்படும் என்று விவசாய அமைச்சர் சலாவுடி அயூப் அறிவித்தார். நடப்பு கொள்கைத் திட்டங்கள் வழி பி40 பிரிவில் உள்ள விவசாயிகள், மீனவர்கள், சிறு தோட்டக்காரர்கள் ஆகியோரின் நலனை மேம்படுத்துவதில் நாம் வெற்றி பெறவில்லை. இதில் எங்கே, என்ன கோளாறு என்று நாம் எண்ணிப்பார்க்க வேண்டியுள்ளது. நான் அமைச்சராகி ஏழு மாதங்கள் கடந்துவிட்டன. இந்த ஏழைப் பிரிவினரின் எதிர்காலத்திற்கு உத்தரவாதம் வழங்குவது நமது இலக்காக இருக்கிறது. கடந்த

கால தவறுகளுக்கு விவசாய அமைச்சு முற்றிலும் பரிகாரம் காண இயலா விட்டாலுங்கூட இவர்களின் வாழ்வாதாரத்தை மேம்படுத்த புதிய கொள்கைகள் வரப்பிரசாதமாக அமையும். உணவு விளைச்சலும் விநியோகமும் சீராக இருக்க வேண்டும். இதுதாம் எதிர்கொள்ளும் மற்றொரு மாபெரும் சவால் என்று அமைச்சர் சலாவுடி அயூப் சுட்டிக்காட்டினார். உணவு வாங்கக்

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
11/2/2019	SINAR HARIAN	BISNES SINAR	4

Perbandaran pertama tampil konsep kebun

PROJEK PERINTIS OLEH SIME DARBY PROPERTY DI BANDAR ELMINA, MAHU BINA MASYARAKAT MAMPAN

PEMBANGUNAN BAHARU

SIME Darby Property Bhd melancarkan Elmina Community Edible Gardens di Bandar Elmina, pembangunan seluas 2,000 hektar dan perbandaran pertama di Malaysia yang mempunyai konsep kebun.

Pembangunan ini menjadikan, 86 isi rumah di Elmina West, di U16 Shah Alam muncul yang pertama di Bandar Elmina sebagai komuniti yang mengusahakan kebun komuniti di Elmina Central Park.

Kebun yang hasilnya boleh dinikmati oleh masyarakat ini adalah projek perintis kelolaan Sime Darby Property dengan sokongan masyarakat dan Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA).

Penduduk diberi plot di kebun komuniti melalui undi semasa pelancaran kebun komuniti bagi kerja-kerja menanam sayur-sayuran dan herba.

Pupuk hubungan lebih sihat

Menurut Pengurus Besar Sime Darby Property, Appollo Leong, inisiatif ini memberi peluang kepada penduduk bercucuk tanam seperti buah-buahan dan sayur-sayuran.

"Kami melakukan ini kerana kami percaya dalam membina masyarakat yang mampan, keselamatan makanan adalah unsur penting.

"Masyarakat yang berkembang maju dan bersemangat hanya boleh dicapai dengan memupuk hubungan yang kuat dan sihat antara penduduk melalui gaya hidup aktif.

"Tidak ada yang lebih penting daripada mewujudkan masyarakat berfungsi untuk memastikan kesejahteraan dan keharmonian dalam perbandaran.

"Sime Darby Property bukan sahaja bertujuan membina rumah dan persekitaran yang mampan bagi penduduk untuk hidup, tetapi juga memupuk masyarakat yang sihat," katanya.



HASIL tanaman akan dikongsi bersama komuniti setempat.

Salah satu ciri kemampan perbandaran

Leong berkata, konsep kebun komuniti yang boleh dimakan ini adalah salah satu ciri kemampan perbandaran yang termasuk dalam pelan induk perbandaran Elmina.

"Ini termasuk menghubungkan Elmina Community Edible Gardens dengan program kitar semula buangan organik, yang akan diperkenalkan di seluruh bandar serta membantu komuniti untuk menubuhkan kelab berkebun.

"Sime Darby Property akan membantu komuniti memulakan kelab berkebun sempena inisiatif ini. Ia bertujuan menyelaraskan program dan aktiviti dengan MBSA dan organisasi lain untuk menyediakan pelbagai aktiviti bermanfaat bagi menyokong komuniti dan berkongsi pengetahuan untuk kehidupan lebih sihat," katanya.

Tambahnya lagi, komuniti akan menggunakan dan membeli produk tempatan tanpa memerlukan logistik tambahan yang boleh memudaratkan alam sekitar dalam jangka masa panjang.

"Kebun komuniti memberikan pelbagai faedah kepada warga Elmina Barat. Ia menjadikan kehidupan lebih mampan dan mengurangkan pelepasan karbon.

"Sime Darby Property merancang untuk menambah peruntukannya dan akan memperkenalkan inisiatif sama dalam fasa-fasa lain di Bandar Elmina pada masa akan datang. Bagaimanapun, ia tertakluk kepada kesesuaian kawasan dan sambutan penduduk," katanya.



SEBAHAGIAN daripada penduduk yang menyertai kebun komuniti di Bandar Elmina merakamkan kenangan.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
11/2/2019	SINAR HARIAN	BISNES SINAR	5



PEMANDANGAN dari atas lokasi kebun komuniti di Bandar Elmina.

LEONG ketika berucap kepada komuniti yang terlibat di dalam projek ini.

INFO

Bandar Elmina bernilai RM27 bilion terletak di sepanjang Lebuhraya Koridor Guthrie di barat Kuala Lumpur. Ia adalah gabungan empat perbandaran iaitu Denai Alam 400 hektar; Bukit Subang 100 hektar; Elmina Timur 435.2 hektar; dan Elmina West 1,064 hektar.

- Ia boleh diakses menerusi Lebuhraya Koridor Guthrie, Lebuhraya Utara-Selatan, Lebuhraya Baru Lembah Klang, Lebuhraya Shah Alam-Batu Arang, Lebuhraya Kuala Lumpur-Kuala Selangor, dan Lebuhraya Damansara-Shah Alam yang akan siap menjelang 2020.
- Terdapat tiga pelancaran di City of Elmina pada 2018. Pada April, rumah Semea Hills semi-detached dan rumah superlink Semanea Hills dilancarkan.
- Tiga fasa Elmina Green 1 telah dilancarkan, pada Oktober 2018. Perkembangan ini terdiri daripada rumah-rumah patuan dua tingkat dan 80 peratus dijual.

“Sime Darby Property bukan sahaja bertujuan membina rumah dan persekitaran yang mampan bagi penduduk untuk hidup, tetapi juga memupuk masyarakat yang sihat.”
 - APPOLLO LEONG

Sokong 8 konsep kesejahteraan perbandaran
 Memberitahu lanjut, katanya, taman-taman ini menyokong lapan konsep kesejahteraan perbandaran meliputi rohani, sosial, emosi, alam sekitar, fizikal, intelektual, pekerjaan dan keluarga.
 “Selain menyediakan komuniti dengan bekalan makanan berterusan, inisiatif ini menggalakkan kerjasama dan kebersamaan sebuah platform bagi membina komuniti penyayang,” katanya.

Jelas beliau, inisiatif dilakukan Sime Darby ini secara tidak langsung dapat menjimatkan kos sara hidup di samping membantu penduduk melakukan penjimatan.
 “Pada masa kini taraf hidup semakin meningkat. Justeru, dengan menanam sendiri ia mampu membantu mengurangkan perbelanjaan harian dan secara tidak langsung dapat berjimat.
 “Selain itu, dengan menanam sendiri, komuniti terlibat akan mengetahui dari mana sumber makanan berkenaan diperolehi dan terjamin kebersihannya,” katanya sekali gus yang menggalakkan komuniti mempelbagaikan jenis tanaman agar hasilnya dapat dikongsi bersama.
 Menurutnya, dengan bertukar-tukar hasil tanaman sesama jiran, amalan ini menggalakkan lagi perpaduan di samping membina masyarakat lebih penyayang.
 “Ini adalah projek perintis dan kita tidak akan berhenti. Kita akan wujudkan lebih banyak di masa hadapan. Kami berharap ia akan diteruskan dengan jayanya oleh komuniti ini,” katanya sambil menambah penduduk begitu teruja dengan kebun yang diwujudkan itu.
 Leong berkata, rata-rata penduduk melahirkan rasa gembira dan sering berkongsi kegembiraan melalui laman sosial dan grup WhatsApp mengenai perkembangan tanaman mereka.
 Beliau menambah, komuniti berkenaan kini giat bekerja dengan penduduk di Denai Alam dan Elmina Garden yang dalam usaha untuk memulakan kebun komuniti seumpama ini.




KOMUNITI yang terlibat di dalam projek ini akan mengetahui sumber makanan berkenaan diperolehi dan kebersihannya terjamin.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
11/2/2019	SINAR HARIAN	BISNES SINAR	6

*NURUL FIRDAUS KHAIRI

INOVASI



HASIL tanaman cili menggunakan IoT Smart Fertigasi.

Baja cili guna fertigasi pintar

**NORHASHIM SELIA
KEBUN CILI MILIKNYA
HANYA MENERUSI
TELEFON PINTAR**

NOVASI Pertanian Pintar merujuk kepada penggunaan dan pengintegrasian teknologi terkini dengan lebih meluas dalam bidang pertanian, bertujuan meningkatkan kuantiti dan kualiti hasil tuaian.

Idea itu bukan sahaja beri peluang kepada petani meningkatkan hasil pendapatan malah dapat menganalisis pertanian dan pantau hasil tanaman dengan cepat tanpa tenaga kerja yang ramai.

Bagi anak muda dari Kampung Sijanggang, Selangor, Norhashim Kamisan, 35, idea yang disalurkan kepada Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC) mengenai masalah yang sering dihadapi berhubung pengurusan kebun cilinya membahayakan hasil apabila kini dia dapat menggunakan sistem fertigasi pintar melibatkan sistem pembajaan dan pengairan bersistemik seterusnya menjimatkan kos.

Katanya, idea smart fertigasi adalah

ilhamnya kerana sering berdepan masalah berkaitan kebun cilinya, dan tidak sangka pihak berkenaan merealisasikannya.

"Ia lebih dikenali sebagai teknologi fertigasi pintar di mana sistem ini mampu kawal dan pantau kebun cili dari jauh dengan hanya guna aplikasi telefon pintar.

"Alat pengesan berasaskan Internet of Things (IoT) inilah yang bantu saya terima data berkaitan tanaman dengan pantas untuk tindakan lanjut.

"Kini hasil cili kebun saya tidak hanya dipasarkan di pasar raya besar seluruh negara dan pasar borong, tetapi telah tembusi pasaran Jeddah dan ada peminatnya tersendiri," katanya.

**Kelengkapan sistem dijual
RM16,000**

Kelengkapan sistem menggunakan kuasa elektrik itu dijual pada harga sekitar RM16,000 ini ternyata membantu petani mengetahui bacaan suhu, kelembapan udara dan tanah bagi pokok serta kawasan fertigasi melalui telefon pintar.

"Aplikasi ini akan kumpul data mengenai persekitaran termasuk kepekatan pati baja bagi setiap masa yang dipilih, kemudian menghantar notifikasi awal terus ke telefon pintar melalui SMS.

"Notifikasi awal itu termasuklah keadaan cuaca sama ada panas atau tidak



NORHASHIM menunjukkan bacaan keadaan semasa tanaman cilinya melalui graf.

kekurangan air pada pokok atau kepekatan baja yang rendah sama ada boleh mengganggu pembesaran cili sekali gus beri peluang petani bertindak segera.

"Sebenarnya, bila sudah ada alat pengesan ini, saya boleh kawal kepekatan baja selain keperluan air yang perlu digunakan ikut keadaan cuaca persekitaran," katanya yang mengakui sejak menggunakan idea baharu ini, ia menjimatkan kos termasuk penggunaan baja lebih berhemah.

Tambahnya, kecanggihan sistem ini turut membantunya elak kehilangan data kerana setiap maklumat tanaman disimpan dalam bentuk graf yang akan diterimanya melalui emel sekali gus beri maklumat data lebih sistemik untuk rujukan selanjutnya.

"Sistem ini dapat elak kecaualan seperti sering berlaku dalam proses manual, yang mana kadang-kala saya terlupa dah banchu baja atau belum.

"Tapi dengan sistem ini bila kita dah programkan, sistem bacaan memang tepat. Siapa yang gunakan sistem ini, tentu gembira sebab dapat kurangkan kos baja.

"Buat masa ini, setiap musim dia menunjukkan pengurangan 30 hingga 35 peratus penggunaan baja," katanya sambil memberitahu kini sedang berusaha menghasilkan inovasi semberun racun serangga menggunakan teknologi sebegini.

**Pantau kebun menerusi
telefon pintar**

Memandangkan sistem ini membantu Norhashim mengawal selia kebun cilinya dengan lebih mudah, dia tidak perlu berada sepanjang hari di kebun untuk lakukan pemantauan berkala sebaliknya hanya pantau melalui telefon pintar bagi proses pembajaan dan pengairan dengan hanya tekan butang pada aplikasi telefon pintarnya dan tanaman cili fertigasinya seperti diluruskan sekumpulan pekerja.

Namun, atas kesedaran pentingnya kerjaya pertanian pada masa kini, Norhashim masih mengambil pelajar praktikal untuk menimba ilmu aspek pertanian supaya dapat beri contoh menjadikan pertanian satu punca pendapatan yang lumayan.



PENGERUSI Ahli Jemaah Pengarah Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Kuala Langat, Abdul Razak Khasbullah (kiri) bersama pelajar praktikal di kebun milik Norhashim.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
11/2/2019	KOSMO	NEGARA	15

Budak lelaki digigit anjing di Taiping stabil

Oleh MUHAMAD TARMIZE MOHD. NOR

TAIPING – Seorang kanak-kanak lelaki berusia lima tahun yang digigit seekor anjing peliharaan jirannya Khamis lalu, kini dilaporkan dalam keadaan stabil.

Ketua Pengarah Kesihatan Perak, Datuk Dr. Ding Lay Ming berkata, kanak-kanak tersebut kini dirawat dan dipantau di Hospital Taiping.

“Kanak-kanak berkenaan telah dimasukkan ke wad di Hospital Taiping Khamis lalu selepas digigit anjing jirannya secara tiba-tiba tanpa provokasi terhadap haiwan berkenaan.

“Mangsa kini diberikan rawatan terhadap luka yang dialami selain diberikan vaksin rabies,” katanya dalam satu kenyataan yang dikeluarkan semalam.

Tambah Lay Ming, Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) Larut, Matang dan Selama akan memastikan mangsa mendapat dos lengkap rabies dengan dos keempat akan diberikan pada 21 Februari depan.

Katanya, anjing berkenaan telah dilupuskan pemiliknya manakala sampel daripada anjing itu telah diambil pihak Jabatan Perkhidmatan Veterinar untuk diuji.

Pada 14 Januari lalu, Jabatan Perkhidmatan Veterinar mengumumkan Mukim Taiping dan Bukit Gantang di dalam daerah Larut, Matang dan Selama diwartakan sebagai kawasan jangkitan anjing gila atau rabies.


KANAK-KANAK lelaki yang digigit seekor anjing peliharaan jirannya kini dirawat di Hospital Taiping, Perak.



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
11/2/2019	HARIAN METRO	SETEMPAT	24



PESERTA menunjukkan hasil tangkapan ikan.



BERKUBANG TANGKAP IKAN

■ Penduduk perlu guna tangan cari lampam, keli, jelawat dan tilapia dalam pesta mengoca di petak sawah



Abnor Hamizam Abd Manap
am@hmetro.com.my

Jelebu

Aktiviti mengoca ikan di kawasan sawah padi memberi keseronokan bagi anak jati Kuala Lumpur yang kali pertama menyertainya di Kampung Sungai Buloh, di sini, kelmarin.

Ahmad Hairul Hamzah, 21, berkata, dia datang bercuti

mengikut kenalan yang tinggal di Simpang Durian, dekat sini, sebelum dimaklumkan aktiviti itu.

Katanya, ia pengalaman pertamanya berkubang dalam lumpur sawah untuk menangkap ikan.

"Awalnya takut juga masuk dalam petak sawah bermain lumpur sehingga mengotorkan pakaian, tetapi sebaik berebut mencari ikan situasi bertukar sebaliknya.

"Walaupun tidak berjaya mendapat ikan, pengalaman

ini cukup menyeronokkan dan jika boleh saya mahu menyertainya lagi pada masa akan datang," katanya.

Aktiviti mengoca ikan diadakan sempena Pesta Mengemping yang dirasmikan Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani negeri, Bakri Sawir.

Hadir sama Pengarah Perikanan negeri, Halimi Abu Hanip, Pemangku Yang Dipertua Majlis Daerah Jelebu (MDJ), Wan Mud Shardihan

Wan Dahalan dan Pengerusi Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) Kampung Sungai Buloh, Mustakim Muhammad.

Ahmad Hairul berkata, percubaan kali pertama menangkap ikan menggunakan tangan sukar kerana licin dan sukar untuk dipegang.

Sementara itu, Halimi berkata, pihaknya melepaskan 250 ikan termasuk lampam, keli, jelawat dan tilapia bagi aktiviti mengoca.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
11/2/2019	HARIAN METRO	SETEMPAT	25



Pesta mengemping masuk kalendar makan angin

setiap tahun. "Penganjuran pesta mengemping bertujuan memperkenalkan aktiviti mengemping yang sinonim dengan kampung berkenaan selain mempromosikan produk dan program pelancongan di daerah Jelebu," katanya katanya ketika ditemui dalam Pesta Mengemping Kampung Sungai Buloh, di sini, kelmarin.

Majlis disempurnakan Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani negeri, Bakri Sawir. Hadir sama Pengarah Pejabat Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Negeri Sembilan, Syed Mohd Fariz Syed Mansur Al Idrus, Pengerus LPNS, Nazrul Khairil Mohd Nor dan Pengerusi Majlis Pengurus Komuniti Kampung (MPKK) Kampung Sungai Buloh, Mustakim Muhammad.

Wan Mud Shardihan berkata, pesta mengemping adalah aktiviti keramaian yang dijalankan penduduk kampung apabila mereka berkumpul beramai-ramai membuat emping.

Katanya, untuk menghasilkan emping, penduduk akan dibahagi kepada beberapa kumpulan bagi memastikan proses berjalan lancar bermula

dengan menggoreng padi menggunakan kayu api sehingga menjadi bertih.

"Bertih itu kemudian ditumbuk menggunakan lesung kaki sehingga menjadi emping dan ditampi untuk membuang hampas padi," katanya.

Emping hanya boleh ditemui pada musim menuai padi dan pesta seperti itu mampu menarik kehadiran pengunjung yang mahu mencari kelainan apabila datang bercuti.

Sementara itu, Mustakim ketika ditemui berkata kampung berkenaan mempunyai sawah padi seluas 192 hektar dan antara yang aktif di negeri ini.

Katanya, aktiviti mengemping sudah diadakan dalam kalangan penduduk sejak sekian lama dan masih diteruskan bagi mengelak ia pupus.

"Selain pesta mengemping, aktiviti mengoca ikan turut diadakan dan ia antara yang turut popular selepas musim menuai dan dinantikan bukan saja oleh golongan dewasa malah kanak-kanak.

"Tahun ini kita turut bangga kerana 11 pengusaha inap desa di kampung ini sudah menerima pengiktirafan daripada kerajaan," katanya.

Katanya, seramai 250 peserta tidak melepaskan peluang menunjukkan kemahiran menangkap ikan menggunakan tangan selain memberi peluang kepada mereka yang kali pertama menyertainya.

Dalam pada itu, Mustakim berkata, mengoca ikan di petak sawah aktiviti selepas musim menuai padi bagi penduduk mencari ikan darat sama ada untuk kegunaan sendiri atau dijual.

"Aktiviti seperti ini

memberi peluang kepada generasi baru merasai pengalaman yang pernah

dilalui oleh ibu bapa atau datuk dan nenek mereka satu masa dulu," katanya.

“Awalnya takut juga masuk dalam petak sawah bermain lumpur sehingga mengotorkan pakaian, tetapi sebaik berebut mencari ikan situasi bertukar sebaliknya. Walaupun tidak berjaya mendapat ikan, pengalaman ini cukup menyeronokkan dan jika boleh saya mahu menyertainya lagi pada masa akan datang”

Ahmad Hairul Hamzah

Jelebu: Bermula tahun ini Pesta Mengemping Kampung Sungai Buloh di Simpang Durian, dekat sini, dimasukkan dalam kalendar pelancongan Negeri Sembilan sebagai antara tarikan pengunjung ke negeri ini.

Pemangku Yang Dipertua Majlis Daerah Jelebu (MDJ) Wan Mud Shardihan Wan Dahalan berkata, pihaknya bersama Lembaga Pelancongan Negeri Sembilan (LPNS) dan Inap Desa Kampung Sungai Buloh akan bekerjasama mengadakan program itu.

Katanya, pesta mengemping iaitu aktiviti selepas musim menuai padi menjadi tradisi sejak lebih 79 tahun lalu dan akan diadakan pada Februari

Oleh AQILAH MIOR
KAMARULBAID
aqilah.mks@gmail.com



KEENAKAN menikmati raja buah seperti Musang King dari D24 pastinya sehingga menjilat jari. Malah apabila tiba musim buah tropika tersebut di pasaran, ramai yang memenuhi gerai durian untuk menikmati keenakannya.

Justeru, Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) berhasrat mengkomersialkan semula durian hibrid MDUR 78, MDUR 79 dan MDUR 88 yang telah diisytiharkan pada 1991 dan 1992.

Ia berdasarkan penanaman ketiga-tiga hibrid tersebut agak terhad dan kurang dipromosikan untuk tanaman komersial walaupun kualiti buahnya sangat baik.

Menurut Pegawai Penyelidik Kanan Pembaikbakaan Tumbuhan Pusat Penyelidikan Hortikultur MARDI di Sintok, Kedah, **Muhamad Afiq Tajol Ariffin**, MARDI menjalankan kerja-kerja pembaikbakaan durian bermula lewat 1960-an. Ia bertujuan menghasilkan varieti baharu dan memastikan pengeluaran durian sentiasa memenuhi kehendak pasaran.

Katanya, sebanyak dua program pembaikbakaan durian dijalankan di MARDI, iaitu yang pertama melibatkan 10 klon durian tempatan yang popular seperti D2, D7, D8, D10, D16, D24, D63, D66 dan D96.

"Bunga durian tersebut dikacukkan bagi mendapatkan benih hibrid. Biji-biji durian hasil kacukan tersebut diambil dan ditanam dan sebanyak 168 tanaman hasil kacukan yang hidup dan berbuah.

"Proses pembaikbakaan ini bukan mudah kerana perlu mengambil masa sehingga lebih 20 tahun untuk mendapatkan hibrid yang terbaik. Pelbagai kajian dilakukan mengikut langkah-langkah diperlukan dalam penyelidikan



MUHAMAD AFIQ TAJOL ARIFFIN (kiri) dan Salehudin Md. Radzuan menunjukkan salah satu jenis durian di dusun Duriotourism milik MARDI.

pembaikbakaan tumbuhan sehingga mendapat hasil yang terbaik dan berkualiti," jelasnya.

Tambah Muhamad Afiq, dalam menghasilkan hibrid baharu ini, antara kriteria yang diambil kira adalah pokok berhasil tinggi, rentang terhadap serangan penyakit kanker dan buah berkualiti tinggi dan lebih baik daripada klon durian yang sedia ada di pasaran.

Pada 1991 dan 1992, MARDI mengisytiharkan tiga durian hibrid baharu menerusi program pembaikbakaan

dengan menghasilkan durian MDUR 78, MDUR 79 dan MDUR 88 menerusi kacukan antara klon durian D10 dan D24.

"Hasil kajian menunjukkan klon ini berupaya mengeluarkan hasil seawal enam hingga tujuh tahun selain memiliki potensi kualiti hasil yang baik, lebih tahan terhadap serangan kanker berbanding D24 dan setanding Musang King serta rasa manis berlemak.

"Melalui pengurusan yang betul, siri MDUR akan berbuah secara tetap pada setiap tahun dalam tempoh musim durian," ujarnya.

Dalam perkembangan sama, beliau memberitahu, MARDI kini sedang giat melakukan program penghibridan kedua yang dijangka diisytiharkan pada tahun depan atau 2020.

Katanya, program itu telah bermula sejak 1987 menerusi kajian campuran klon durian tempatan dan Thailand.

"Kami menggunakan enam klon durian tempatan iaitu D24, D10, D38, D53, MDUR 88 dan KK 11 sementara klon dari Thailand ialah D98, D99, D113 serta Cemposi. Pemilihan jenis durian tersebut berdasarkan hasil yang konsisten, kualiti buah yang baik dan karakter-karakter khas seperti rasa yang unik.

"Sehingga kini program tersebut di peringkat menguji di lokasi yang berbeza. Kami sedang menguji di MARDI di Sintok, Kedah; Kuala Kangsar, Perak dan Jelebu, Negeri Sembilan," jelasnya. Beliau turut berkongsi bahawa melalui program tersebut, MARDI telah menilai pendek dan mendapati 13 daripada 97 hibrid durian sesuai ditanam oleh petani.

ANTARA jenis penyakit kanker, menyerang dahan pokok durian yang memerlukan pencegahan dan pemantauan.



SALEHUDIN MD. RADZUAN menunjukkan jenis serangan anai-anai yang menyerang dahan pokok durian.



INFO

Apa itu penyakit kanker durian (*Phytophthora palmivora*)?

- Merupakan kesan lecuhan yang boleh dilihat pada batang pokok

Rawatan

- Gunakan pokok penanti rintang penyakit kanker
- Kikis bahagian batang yang dijangkiti
- Sapu dengan racun kulat (*Metalaxyl*, *Fosetyl aluminium*)
- Suntikan (*Metalaxyl*, *Fosetyl-aluminium* atau *Asid fosforus*)
- Semburan (*Fosetyl-aluminium*)
- Siraman di pangkal pokok (*Metalaxyl*)

ANTARA jenis-jenis klon durian hibrid yang belum didaftarkan dan dikomersialkan.



INFO

	MDUR 88	MDUR 78	MDUR 79
Kod daftar di Jabatan Pertanian	D190	D188	D189
Nama panggilan di pasaran	D88,88		
Hasil kacukan	D24 x D10	D10 x D24	D10 x D24
Lokasi jualan dan tanaman	Johor (Muar, Kluang, Simpang Renggam), Kedah (Sintok), Negeri Sembilan, Perak (Kuala Kangsar, Pengkalan Hulu), Pahang (Bentong, Raub) dan Terengganu (Jerangau, Dungun, Kemaman)	Perak (Kuala Kangsar, Pengkalan Hulu), Kedah (Sintok) dan Terengganu (Jerangau, Dungun, Kemaman)	Perak (Kuala Kangsar, Pengkalan Hulu), Kedah (Sintok) dan Terengganu (Jerangau, Dungun, Kemaman)
Bentuk buah	Bulat membujur	Bulat membujur	Bulat membujur
Berat buah (kg)	1.5 - 2	1.5 - 1.8	1.0 - 1.6
Warna kulit	Hijau kekuningan	Hijau muda kekuningan	Hijau gelap (kadang-kala hijau kekuningan dan keperangan)
Ketebalan kulit	Tebal	Tebal	Tebal
Saiz pokok	Sederhana besar	Besar	Sederhana besar
Waktu luruh	Pertengahan musim (105-115 hari selepas bunga kembang)	Pertengahan musim (105-115 hari selepas bunga kembang)	Awal pertengahan musim (100-110 hari selepas bunga kembang)
Musim berbuah Pantai Timur	Julai - Ogos	Julai - Ogos	Julai - Ogos
Musim berbuah Pantai Barat	Mei - Jun	Mei - Jun	Mei - Jun
Ketahanan kepada penyakit kanker batang	Sederhana tahan	Sederhana tahan	Sederhana tahan
Isi	Tebal, tekstur sederhana halus, pejal, warna kuning keemasan, (kadang-kala kuning), saiz ulas besar.	Tebal, ulas besar, (1 - 2 ulas/pangsa) berwarna kuning keemasan.	Tebal, ulas besar. (1 - 3 ulas/pangsa) berwarna kuning oren.
Rasa	Manis berlemak dengan aroma sederhana kuat	Manis berlemak dengan aroma sederhana	Manis berlemak dengan aroma sederhana
Purata hasil (biji/musim)	58	99	61
Hasil maksimum	150 ke atas	150 ke atas	150 ke atas
Tempoh mula berbuah selepas ditanam (tahun)	6 - 7	6 - 7	6 - 7
Corak pembuahan	Sederhana lebat	Lebat dan konsisten	Kurang lebat tetapi konsisten



DR. MOHAMAD ROFF MOHD. NOR (tiga dari kanan), bersama pegawai dan kakitangan MARDI dengan buah durian hasil penyelidikan agensi berkenaan di dusun Duriotourism Kuala Kangsar, Perak.

Promosi tiga hibrid

KETUA Pengarah MARDI, **Datuk Dr. Mohamad Roff Mohd. Noor** berkata, kaedah pembiakbakaan untuk menghasilkan klon durian yang baik di MARDI telah bermula sejak 1960-an.

Hasil daripada kaedah pembiakbakaan itu, maka terhasilah durian MDUR 78, MDUR 79 dan MDUR 88 yang diisytiharkan pada 1991 dan 1992 di Kuala Kangsar, Perak.

"Penyelidikan kacukan itu dijalankan di (Stesen MARDI) Jerangau, Terengganu melalui dua induk daripada durian D10 dan D24. Kerana itu buah hasil daripada hibrid ini begitu manis dan berlemak, setanding *Musang King*," katanya.

Tambah Mohamad Roff, pihaknya kini dalam usaha untuk mempromosikan semula ketiga-tiga hibrid tersebut agar ditanam secara meluas oleh golongan petani dalam skala besar.

"Hasil kajian menunjukkan ketiga-tiga hibrid itu berupaya mengeluarkan hasil seawal enam hingga tujuh tahun, mempunyai potensi hasil yang tinggi serta berkualiti dan pastinya permintaan terhadap buah-buahan itu akan melonjak naik," jelasnya.

Dalam pada itu, beliau memberitahu, terdapat sebanyak 97 durian hibrid telah dihasilkan dan kerjasama dengan Jabatan Pertanian serta Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) akan diadakan bagi mengenal pasti hibrid yang terbaik.

"Kami bercadang mengisytiharkannya pada tahun ini atau pada 2020. Pembiakbakaan ini perlu diteruskan supaya lebih banyak varieti durian berada di pasaran negara sekali gus Malaysia dapat bersaing dengan negara lain dalam penghasilan durian," ujarnya.

Sementara itu seorang Pegawai Penyelidik Bahagian Buah-buahan Pusat



DR. MOHAMAD ROFF MOHD. NOOR

Penyelidikan Hortikultur MARDI, **Salehudin Md. Radzuan** berkata, pihaknya kini dalam usaha untuk mendapatkan penanti durian terbaik yang tahan kemarau serta rintang kepada penyakit kanker yang diakibatkan oleh *Phytophthora palmivora*.

Katanya, patogen berkenaan kerap kali menyerang akar dan batang pokok durian.

Menurutnya lagi, simptom serangan pada batang durian dapat dikesan dengan kehadiran kesan kehitaman yang seakan-akan berair atau basah pada kulit pokok.

"Sekiranya dikikis kita akan dapat melihat tanda seperti melecur yang berwarna coklat kemerahan.

"Penyakit itu juga boleh menyerang buah durian dan dapat dikesan dengan tompok hitam pada buah.

"Namun, jika serangan tidak serius (serangan kecil pada hujung buah durian) tidak akan mempengaruhi kualiti buah. Pun begitu, serangan pada buah durian yang serius mengakibatkan buah tidak sesuai untuk dipasarkan" ujarnya.

Khaidir kini tumpu bela nasib penternak ikan sangkar, pelihara khazanah alam

Jika dahulu bergelar wartawan, Khaidir Ahmad, 57, kini seorang pejuang alam sekitar dan aktivis masyarakat.

Bekas Ketua Pengarang Berita TV3 itu juga dilantik menjadi Presiden Perikatan Pencinta Alam Malaysia (Alam) dan Pengerusi Persatuan Penternak dan Peniaga Ikan Sangkar Temerloh Pahang (PPPISIP).

Hala tuju dan visi ingin dicapai, dikongsi anak jati Pahang itu bersama Wartawan Sinar Harian Pahang, Rosilawati Rosedi dalam satu pertemuan, baru-baru ini.

BAGAIMANA saudara boleh mencuri bidang perusahaan ikan sangkar dan dilantik menjadi Pengerusi PPPISIP?

Saya mula mengusahakan ternakan ikan dalam sangkar di Sungai Pahang pada 2006, ketika masih berkhidmat sebagai Pengarang di TV3.

Pada peringkat permulaan, ia dikendalikan oleh anak-anak saya dengan cuma 20 unit sangkar.

Kemudian ia berkembang hingga mencapai jumlah 48 sangkar. Selain patin dan tilapia, kami juga memternak ikan spesies mahal dan hampir pupus iaitu kelah merah, jelawat putih dan kerai kunyit.

Bagaimanapun, kira-kira tiga minggu selepas bersara awal daripada jawatan Ketua Pengarang Berita TV3 pada 15 Disember 2014, banjir besar melanda hingga me-

nyebabkan hampir kesemua 48 sangkar ikan saya musnah atau hanyut dan saya rugi hampir RM2 juta.

Namun saya reda dengan ujian ALLAH SWT itu dan yakin setiap kejadian pasti ada hikmah.

Saya tidak berputus asa, sebaliknya terus berusaha membangunkan semula projek ternakan ikan dalam sangkar di tapak baharu di Kampung Tebing Tinggi Lebak, Temerloh, Pahang selepas mendapat kebenaran Ketua Kampung ketika itu.

Kalau sebelumnya saya guna modal sendiri, kali ini saya buat pinjaman daripada Agrobank sebanyak RM250,000. Jabatan Perikanan cuma bantu pulihkan tujuh unit sangkar dan kedai jualan ikan patin saya yang separuh musnah akibat banjir.

Namun umpama sudah jatuh ditimpa tangga, projek pembangunan semula perusahaan ternakan ikan sangkar saya yang baru mahu mengeluarkan hasil, diancam pula dengan notis untuk meroboh dan memusnahkannya dengan alasan saya menduduki tanah kerajaan negeri secara haram selain perlu berlaluan kepada projek pam pasir di kawasan berhampiran yang dibantah oleh sebahagian besar penduduk Mukim Lebak.

Ketika itu saya hanya mampu menyuarakan suara hati dan merayu simpati di Facebook tetapi malang sekali lagi, saya disaman malu dan terpaksa bayar kos guaman RM75,000.

Menyedari akan nasib malang golongan rakyat marhaen khususnya penternak ikan dalam sangkar yang tidak diberi pembelaan sewajarnya dan menjadi mangsa konflik antara penternak ikan sangkar dan

Bersara dari dunia kewartawanan



Menyedari akan nasib malang penternak ikan dalam sangkar yang tidak diberi pembelaan sewajarnya, saya mengambil inisiatif menubuhkan PPPISIP." - Khaidir

pam pasir, saya ambil inisiatif tubuhkan PPPISIP.

Saya ambil tanggungjawab sebagai pengerusi pada Mac 2015 dengan harapan untuk membela nasib dan menjaga kebajikan penternak ikan dalam sangkar serta nelayan Sungai Pahang.

Apakah cabaran dihadapi sepanjang menerajui persatuan ini?

Banyak cabaran dihadapi, disebabkan kurang semangat perpaduan, persefahaman dan setiakawan dalam kalangan ahli.

Malah di peringkat awal lagi keputusan mesyuarat penaja untuk menaikkan harga ikan patin dan tilapia sangkar daripada RM15 kepada RM17 sekilogram pada 27 Mac 2015, menerima tamparan hebat apabila Bahagian Penguatkuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Pengguna (KPDN-HEP) keluaran notis saman kerana keputusan itu menyalahi Akta Kawalan Harga dan Anti Pancatutan.

Ia kemudian disusuli notis hampir sama oleh Suruhanjaya Persaingan Malaysia. Kedua-dua notis saman itu bawa hukuman denda masing-masing RM100,000 dan RM200,000 atau penjara.

Ia sekali gus menyebabkan semua AJK persatuan 'melarikan diri' dan tinggalah saya seorang sebagai pengerusi untuk menjawab segala tuduhan dan terpaksa mendapatkan jasa baik Pejabat Perdana Menteri untuk menyelesaikan perkara ini.

Temerloh terkenal dengan industri ikan patin, justeru apakah usaha persatuan untuk memastikan ia terus bertahan?

PPPISIP adalah satu persatuan rakyat marhaen yang miskin dan tidak menerima apa-apa sumbangan dana daripada kerajaan atau pihak lain.

Kami hanya mampu bersuara dan harapan rintihan kami dengar dan dipedulikan oleh kerajaan bagi menangani dua masalah pokok iaitu pertama, masalah kualiti air Sungai Pahang yang diakui pakar alami kemerosotan teruk hingga ke tahap 4 akibat penerokaan hutan secara berleluasa dengan kegiatan pembalakan, pertombongan dan pertanian di kawasan hulu Sungai Pahang selain pencemaran akibat sisa buangan kilang.

Kedua, masalah harga makanan ikan terlalu tinggi berbanding harga

jualan ikan sangkar yang terlalu rendah. Hakikatnya di sebalik permintaan tinggi terhadap ikan Patin Sangkar Temerloh, sudah ramai penternak yang gulung tikar akibat masalah ini.

Apakah yang diharapkan kepada kerajaan?

Selain bantuan dan sokongan berterusan daripada Kerajaan terutama Jabatan Perikanan, saya berharap pihak berkuasa tempatan khususnya Pejabat Daerah Temerloh dan Majlis Perbandaran Temerloh mengembalikan semula cogan kata 'Temerloh Bandar atau Daerah Ikan Patin' yang ditukar kepada 'Temerloh Titik Tengah Semenanjung' sejak beberapa tahun lalu.

Jelaskan peranan dimainkan sebagai pencinta alam dan pejuang alam sekitar.


Saya juga adalah Presiden Perikatan Pencinta Alam Malaysia (Alam) yang bertujuan menyelamatkan khazanah alam semula jadi yang dicipta oleh ALLAH SWT, bukan sahaja untuk kesejahteraan hidup manusia tetapi juga semua makhluk beryawa di muka bumi ini.

Fokus utama Alam ketika ini ialah menyelamatkan hutan-hutan tadahan air semula jadi bagi sungai-sungai utama di seluruh negara daripada ditebang secara berleluasa kerana ia akan menjejaskan sumber air negara pada masa depan dan seterusnya menjejaskan kehidupan rakyat.

Apakah harapan dan perancangan saudara untuk masa hadapan?

Walaupun berdepan pelbagai ujian dan cabaran getir termasuk hampir mufitis, saya tetap berkecak akan meneruskan perjuangan alam dan pembelaan rakyat marhaen yang saya pelopori ini dengan apa cara sekalipun demi kelestarian alam dan kesejahteraan hidup rakyat.

Saya berharap akan lebih ramai lagi yang akan memberi sokongan penuh dan bersama-sama saya dalam perjuangan yang mulia ini.



Khaidir menubuhkan PPPISIP untuk membela penternak ikan sangkar.